

# **SETINGGAN DAN PERMASALAHANNYA SERTA PENYELESAIAN KE ARAH SETINGGAN SIFAR**

**MOHAMED BIN ISMAIL**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pembangunan dan Pentadbiran Tanah

Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2005

Untuk isteri tercinta , Puan Zaiton binti  
Salleh dan anak-anak tersayang

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Bersyukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah dan rahmat-Nya projek disertasi sarjana ini berjaya disempurnakan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis, PM. Dr. Megat Mohd Ghazali Bin Abd. Rahman atas bimbingan dan dorongan yang diberi sepanjang tempoh pembikinan tesis ini.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penduduk Taman Medan dan badan kerajaan sekitar Petaling Jaya yang banyak membantu dalam menyalurkan maklumat yang diperlukan dan memberikan kerjasama yang sangat baik.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan projek disertasi sarjana ini.

## **ABSTRAK**

Setinggan atau pendudukan haram sering menimbulkan masalah yang rumit kepada kerajaan tempatan khususnya dalam menangani masalah ekonomi dan sosial. Masalah yang seringkali dikaitkan dengan kawasan setinggan ialah wujudnya kegiatan tidak bermoral seperti pergaulan bebas, kumpulan penjenayah, menjadi sarang penagih dadah. Kerajaan negeri Selangor telah membuat satu dasar yang dikenali sebagai “Dasar setinggan sifar menjelang tahun 2005” , persoalannya adalah, mampukah dasar ini dilaksanakan dengan jayanya disebabkan masalah setinggan ini telah wujud sejak sekian lama. Data dikumpul melalui dua sumber iaitu sumber primer menerusi bahan bacaanatau informasi yang sedia ada dan sumber sekunder melalui beberapa kaedah seperti temubual dan borang soal selidik. Kajian projek sarjana ini mengupas faktor-faktor kewujudan perumahan setinggan di Selangor, masalah yang dihadapi di setinggan dan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi permasalahan ini.

## **ABSTRACT**

Squatters or illegal housing do brings harm to the government in order to overcome the economic and social problems. Squatters always being related to lots of problems and harmful matters such as crimes and drugs. Not only that, this illegal housing built not according to the standard of specification of a typical house. This type of house is not safe that can cause danger such as fire and flood. In Selangor, the state has declare a mission 'Zero Squatters 2005'. Two types of sources has been taken in order to complete this dissertation that are primary sources through informations and reading materials available and the secondary sources are interviews and questionnaires. In order to achieve this mission, lot of effort has be taken to clear up this type of housing. This study mainly focused on the factors of the squatters existance , problem arises from it and the solution to tackle this matter.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
<b>PERAKUAN STATUS TESIS</b>		
	<b>TAJUK TESIS</b>	<b>ii</b>
	<b>DEKLARASI</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
<b>1</b>	<b>PENGENALAN KEPADA KAJIAN</b>	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Penyataan Masalah	2
1.2	Matlamat Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Kaedah Kajian	5
1.6.1	Pemahaman Utama Serta Rangkaan Teori	
1.6.2	Pengumpulan Data	
1.6.3	Peringkat Analisa	
1.6.4	Peringkat Kesimpulan dan Cadangan	
1.7	Susunatur Bab	8

## **2 TEORI PERUMAHAN DAN PIHAK YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI PERUMAHAN**

2.0 Pengenalan	12
2.1 Rumah sebagai kediaman	12
2.2 Keperluan dan Status Perumahan di Malaysia	14
2.4 Pihak Yang Terlibat Dalam Pembangunan Perumahan	15
2.5 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	16
2.5.1 Objektif KPKT	
2.5.2 Fungsi KPKT	
2.6 Pihak Berkuasa Tempatan	18
2.6.1 Objektif	
2.6.1.1 Unit Perancang Ekonomi	
2.6.1.2 Fungsi Unit Perancang Ekonomi	
2.6.2 Unit Perancangan dan Pembangunan	
2.6.3 Unit Penguatkuasaan	
2.6.3.1 Fungsi Unit Penguatkuasaan	
2.6.3.2 Objektif Unit Penguatkuasaan	
2.6.4 Unit Rancangan Pembangunan	
2.6.5 Unit Kawalan Pembangunan	
2.7 Jabatan Perancangan Dan Bangunan	22
2.7.1 Fungsi Jabatan Perancangan Dan Bangunan	
2.7.2 Bahagian Perancangan & Bahagian Bangunan	
2.7.2.1 Bahagian Perancangan	
2.7.2.2 Bahagian Bangunan	
2.8 Pejabat Daerah	25
2.9 Dasar Perumahan Negara	25
2.10 Dasar Perumahan di Alaf Baru	27
2.11 Perumahan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RM 8)	28
2.11.1 Kemajuan Perumahan Tahun 1996-2000	
2.11.2 Pembangunan Perumahan di Kawasan Luar Bandar	

2.12	Program Perumahan	33
2.12.1	Program Perumahan Awam Kos Rendah –	
2.12.2	Program Perumahan Rakyat (PPR) Bersepadu	
2.12.3	Program Perumahan Rakyat (PPR) (Dasar Baru)	
2. 13	Isu-isu Perumahan Semasa	37
2.13.1	Kerajaan Negeri disyor Ambil Kuota Bumiputera	
2.13.2	Pemilihan Pembeli dan Penyewa Rumah Kos Rendah Di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka.	

<b>3</b>	<b>SETINGGAN DAN MASALAH SERTA STRATEGI MENGATASINYA</b>	
3.0	Pengenalan	42
3.1	Setinggan	42
3.2	Masalah di Petempatan& Pembangunan Setinggan	49
3.3	Strategi Penyelesaian Setinggan	51
3.3.1	Program Setinggan Sifar 2005	
3.3.2	Pembasmian Setinggan Melalui Perumahan Awam	
3.4	Lain-lain Penyelesaian Setinggan	56

**4 SELANGOR SETINGGAN SIFAR TAHUN 2005**

4.0	Pengenalan	57
4.1	Program Setinggan Sifar 2005	58
4.2	Pelan Tindakan Selangor Setinggan Sifar 2005	60
4.2.1	Penubuhan Unit Setinggan PBT	
4.2.2	Pembancian Setinggan	
4.2.3	Penyediaan Perumahan Kos Rendah	
4.2.4	Rundingan Dengan Penduduk Setinggan	
4.2.5	Operasi Penempatan Semula Setinggan	
4.3	Pencapaian Program Setinggan Sifar 2005	69
4.4	Pengawasan dan Pencegahan Pertumbuhan Setinggan Baru	70
4.5	Masalah yang dihadapi oleh PBT	71

**5 KAJIAN KES :TAMAN MEDAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

5.0	Pengenalan	73
5.1	Taman Medan	73
5.2	Lokasi Taman Medan	74
5.3	Kawasan Setinggan di Taman Medan	77
5.4	Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Taman Medan	81
5.5	Kemudahan Awam di Kawasan Taman Medan	84
5.6	Pemindahan Setinggan Taman Medan Kearah Setinggan Sifar 2005	87

<b>6</b>	<b>ANALISA TENTANG PUNCA KEWUJUDAN SETINGGAN DAN MASALAH YANG TIMBUL AKIBAT KEWUJUDANNYA</b>	
6.0	Pengenalan	91
6.1	Perlaksanaan Kajian	92
6.1.1	Temuramah secara Bersemuka	
6.1.2	Borang Soal-selidik	
6.2	Peringkat Analisa Data	96
6.2.1	Methodologi dalam Menganalisa Data	
6.2.2	Kaedah Kualitatif	
6.3	Latarbelakang Penduduk Setinggan.	97
6.3.1	Bilangan Ahli yang Mendiami Unit Kediaman (setinggan)	
6.3.2	Bilangan Ahli yang Bekerja	
6.3.3	Sektor Pekerjaan serta bidang pekerjaan (penyumbang utama)	
6.3.4	Pendapatan Seisi Rumah	
6.3.5	Sebab Utama Dalam Pemilihan Rumah Setinggan	
6.3.6	Status kediaman	
6.3.7	Setinggan sebagai Penempatan yang Tidak Sah Di sisi Undang-undang	
6.3.8	Memiliki unit kediaman lain dari setinggan	
6.3.9	Kesesuaian Kawasan Setinggan Untuk Membesarkan Keluarga	
6.3.10	Masalah-masalah Yang Paling Membimbangkan Penduduk Setinggan	
6.3.11	Masalah Sosial Yang Terdapat di kawasan Setinggan	
6.3.12	Masalah Keperluan Asas untuk menjalani kehidupan seharihan	
6.3.13	Masalah Keselamatan dan Keselesaan di kawasan ini	
6.3.14	Kesedaran dan Persetujuan Tentang Dasar Setinggan Sifar 2005 yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor	

- 6.3.15 Kejayaan Penerapan Dasar dan Penawaran Rumah Kos Rendah Untuk Mancapai Matlamat Setinggan Sifar 2005 Dikawasan Kajian
- 6.3.16 Langkah Terbaik untuk menghapuskan kawasan setinggan dari Perspektif Penduduk Setinggan Sendiri

## 7 RUMUSAN, CADANGAN & SARANAN

7.0	Pengenalan	128
7.1	Hasil Objektif Kajian	129
7.2	Rumusan Kajian	130
7.3	Cadangan Untuk Membantu Penghapusan Setinggan	137
7.4	Saranan Topik untuk kajian di masa hadapan	140

## RUJUKAN

Lampiran A - E

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>
A	SENARAI ABREVIASI
B	SENARAI JADUAL
C	SENARAI RAJAH
D	SENARAI GAMBAR RAJAH
E	SENARAI GAMBARFOTO
F	SENARAI GRAF

## BAB 1

### PENGENALAN KEPADA KAJIAN

#### 1.0 Pengenalan

Manusia dan rumah tidak dapat dipisahkan kerana rumah merupakan tempat manusia berlindung dan berteduh dari segala bahaya dan ancaman. Rumah merupakan keperluan asas yang amat penting kepada manusia selain dari makanan dan minuman untuk hidup. Maka tidak hairanlah terdapat pelbagai jenis dan bentuk tempat berlindung atau habitat dalam bentuk rumah untuk didiami manusia mengikut kesesuaian kawasan setempat dan juga taraf kehidupan seseorang itu. Rumah setinggan merupakan salah satu dari jenis rumah yang didiami manusia sebagai tempat berlindung, namun begitu setinggan merupakan perumahan haram yang didirikan tanpa kebenaran dari pihak berkuasa. Setinggan diumpamakan perumahan haram disebabkan segala-gala yang berkaitan dengan pendirian rumah setinggan itu tidak mendapat kelulusan dari pihak berkuasa termasuklah tanah tempat perumahan setinggan didirikan dan bentuk serta binaan rumah yang dibina tidak mengikut spesifikasi serta bahan dan binaan yang diluluskan (Utusan Malaysia, 25 Mac 2005). Kawasan setinggan wujud di merata-rata tempat walaupun pelbagai langkah diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah pendudukan haram ini. Kerajaan begitu prihatin dengan masalah setinggan kerana masalah ini telah mendatangkan pelbagai masalah kepada kawasan setempat, antara masalah yang utama ialah melambatkan proses pembangunan sesebuah kawasan serta mendatangkan masalah sosial dan ekonomi. Banyak faktor mendesak seseorang mendiami rumah setinggan, seperti

taraf hidup yang terbatas, kemampuan kewangan tidak mencukupi serta tanggungan besar untuk keluarga. (Harian Metro, 16 Mei 2005). Dalam keadaan begitu, suasana rumah yang serba kekurangan dan tidak selesa diketepikan demi mendapatkan suatu ruang bagi merehatkan badan, mandi dan membesar keluarga (Harian Metro, 16 Mei 2005).

### **1.1 Penyataan Masalah**

Setinggan atau pendudukan haram sering menimbulkan masalah yang rumit kepada kerajaan tempatan khususnya dalam menangani masalah ekonomi dan sosial terutamanya di sesebuah kawasan. Kehadiran pendatang tanpa izin juga merumitkan keadaan disebabkan mereka turut menyumbang kepada pertumbuhan dan pertambahan kawasan setinggan. Pelbagai isu-isu dan masalah berkaitan seperti kesesakan penghuni, masalah sosial, kemiskinan, keburukan astetik alam sekitar dengan bangunan berselerak serta kekurangan kemudahan infrastruktur dan sebagainya telah wujud di kawasan setinggan dan kawasan sekitarnya

Mengadakan rundingan juga seringkali gagal disebabkan penduduk setinggan meminta pampasan yang tidak munasabah untuk dipertimbangkan oleh kerajaan menyebabkan masalah setinggan ini tidak dapat diselesaikan dan dibiarkan tergantung. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan disaran mengerakkan kembali pasukan petugas khas mengenai masalah setinggan agar selaras dengan agensi kerajaan tempatan di negeri-negeri (Utusan Malaysia,16 Mei 2005).

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Khir Toyo, kuasa yang ada seharusnya digunakan untuk melaksanakan usaha-usaha menangani masalah setinggan yang Melayu akan terus terpinggir dan ketinggalan berbanding kaum-kaum lain. Masalah orang Melayu merupakan masalah besar dan kerajaan berazam memastikan orang Melayu tidak lagi tinggal di rumah-rumah setinggan selewat-lewatnya menjelang tahun 2005 (Utusan Malaysia, 31 Oktober 2001).

Maka, kerajaan negeri Selangor telah membuat satu dasar yang dikenali sebagai “Program Setinggan Sifar 2005”. Kerajaan negeri khususnya Selangor wajar meluluskan pemberian tanah kepada pemaju yang berminat membina rumah kos rendah untuk penempatan penduduk setinggan (Utusan Malaysia, 16 Mei 2005). Tindakan tegas meroboh rumah-rumah setinggan yang dibina atas tanah kerajaan-kerajaan negeri (Utusan Malaysia, 16 Mei 2005). Persoalannya adalah, mampukah dasar ini dilaksanakan dengan jayanya disebabkan masalah setinggan ini telah wujud sejak sekian lama. Berkesankah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan negeri Selangor bagi mengatasi masalah ini. Kajian ini akan melihat dari perspektif perancang dalam merancang bandar tanpa membuka ruang untuk petempatan setinggan wujud.

## **1.2 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah untuk mengupas dengan terperinci punca-punca dan masalah penempatan setinggan di kawasan setinggan yang terpilih.

### **1.3 Objektif Kajian**

- i) Mengenal pasti takrif perumahan dan setinggan.
- ii) Mengkaji faktor-faktor yang mendorong penempatan setinggan dan
- iii) Mengkaji masalah-masalah yang wujud daripada penempatan setinggan.

### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan kepada masalah utama yang seringkali dihadapi oleh pihak perancang serta pihak berkuasa dalam menangani masalah setinggan serta langkah-langkah yang diambil oleh mereka untuk mengatasinya. Langkah-langkah serta usaha kerajaan negeri Selangor dalam mencapai dasar setinggan sifar dianggap sebagai satu langkah yang baik, namun tiada siapa dapat menjamin bahawa dasar ini akan mencapai matlamat dengan jayanya disebabkan setinggan tumbuh umpama cendawan selepas hujan. Hapus satu kawasan tumbuh kawasan baru. Kajian ini akan menjurus kepada pendekatan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menghapuskan setinggan dari aspek perancangan yang teratur dan sistematik serta langkah-langkah pantauan agar setinggan ini tidak wujud lagi di kawasan yang lain dengan mengambil negeri Selangor secara amnya dan Taman Medan, Petaling Jaya secara khusus sebagai kajian kes.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sebab-sebab yang boleh mewujudkan sesebuah kawasan setinggan serta masalah utama yang sering dihadapi oleh kerajaan dalam menangani kawasan setinggan. Kajian ini juga dapat mengenal pasti langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini agar kawasan setinggan dapat dihapuskan. Kajian ini penting bagi memperlihatkan status kejayaan pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri Selangor bagi mencapai matlamat setinggan sifar menjelang tahun 2005. Kejayaan atau kegagalan Program Setinggan Sifar 2005 bagi negeri Selangor ini boleh dijadikan kayu pengukur kepada kerajaan negeri yang lain dalam menangani masalah yang sama agar dapat membantu Malaysia bebas dari petempatan setinggan pada masa hadapan. Pemaju juga boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan dalam menangani masalah yang sering mereka hadapi dengan setinggan. Kajian ini juga dapat membantu pihak berkuasa dalam merangka sesebuah kawasan atau bandar supaya lebih tersusun dan terancang agar tidak wujud lagi mana-mana kawasan kosong yang berpotensi untuk dijadikan kawasan setinggan.

## 1.6 Kaedah Kajian

Pelaksanaan kajian ini menjurus kepada empat kategori iaitu:

- i) Pemahaman utama serta rangkaan teori.
- ii) Pengumpulan data
- iii) Peringkat analisa
- iv) Rumusan dan cadangan

### **1.6.1 Pemahaman Utama Serta Rangkaan Teori**

Di peringkat ini, matlamat, objektif dan skop kajian dikenalpasti. Peringkat ini melibatkan pemahaman awalan kajian dan pemahaman ini berkait rapat dengan mengenalpasti kawasan kajian yang paling sesuai dengan tajuk kajian. Kajian ini pada amnya akan memfokuskan tentang diskripsi berkaitan dengan rumah kediaman, khususnya kepada setinggan termasuklah faktor-faktor yang menyebabkan kewujudan setinggan.

### **1.6.2 Pengumpulan Data**

Peringkat pengumpulan data berkait rapat dengan pengumpulan data primer dan sekunder. Data sekunder boleh didapati dari sumber seperti buku, jurnal, laman web, petikan dari akhbar, majalah dan bahan cetak lain yang berkait rapat dengan tajuk kajian.. Sementara itu data primer boleh didapati dari temubual dengan pihak perancang serta pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam menghapuskan setinggan serta melalui kaedah soal-selidik yang diedarkan kepada beberapa penduduk setinggan di kawasan kajian secara rawak. Soal-selidik ini akan memfokuskan kepada pendapat penduduk setinggan tentang hasrat kerajaan untuk menghapuskan setinggan serta sebab-sebab mereka memilih cara hidup sebegini berbanding dengan memiliki kediaman yang sah disisi undang-undang.

### **1.6.3 Peringkat Analisa**

Data yang dikumpul melalui sumber primer dan sekunder akan dianalisa untuk mengenalpasti faktor-faktor wujudnya kawasan setinggan. Masalah yang seringkali timbul dari kawasan ini juga diperbincangkan di peringkat ini. Untuk mencapai objektif pertama, keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh pihak perancang terutamanya dapat dikenalpasti diperingkat ini dan dapat menilai sejauhmana langkah-langkah ini berjaya. Hal ini akan membawa kepada penemuan kajian dan akhirnya akan mencapai matlamat kajian. Keputusan dari soal-selidik serta temubual yang dijalankan dapat memberi pemahaman serta pendekatan yang lebih mantap bagi mencapai matlamat setinggan sifar ini melalui kaedah kualitatif dan diskriptif.

### **1.6.4 Peringkat Kesimpulan dan Cadangan**

Di peringkat rumusan ini akhirnya akan memberi gambaran sebenar tentang setinggan dan sebab-sebab kewujudannya serta masalah yang wujud dari petempatan haram ini. Cadangan akan dibuat berdasarkan punca wujudnya setinggan dan langkah-langkah yang harus diambil dari aspek perancangan untuk mengatasi kewujudannya, seterusnya menghapuskan dan menjadikan negara bebas dari setinggan ini.

### 1.7 Susunatur Bab

Pengenalan kepada kajian berserta pernyataan masalah dan isu memulakan bab pertama kajian ini. Objektif, matlamat dan skop kajian juga dinyatakan secara ringkas di bab ini. Seterusnya metodologi kajian ini mengenai pemahaman awalan dan rangkaan teori, pengumpulan data dan prosedur ujikaji (soal-selidik). Selain itu peringkat analisa dan kesimpulan, cadangan serta saranan akan diuraikan dengan terperinci didalam peringkat ini.

Bab kedua kajian ini akan menumpukan kepada penulisan literatur kajian ini. Peringkat permulaan akan menerangkan tentang pentingnya rumah kepada manusia serta definisi rumah sebagai tempat berlindung di bicarakan dengan terperinci. Petempatan setinggan yang juga sebahagian dari cabang perumahan difokuskan dan sebab-sebab kewujudannya ditekankan di bab ini. Tanggungjawab pihak perancang dalam PBT juga diterangkan secara terperinci di bab ini. Masalah yang wujud hasil dari petempatan setinggan ini turut dibincangkan. Langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa dalam menangani masalah kewujudan setinggan serta masalah yang berpunca dari setinggan turut diuraikan


Latarbelakang kawasan kajian yang dipilih iaitu negeri Selangor di diuraikan di bab ketiga. Pada amnya penerangan dibuat tentang lokasinya, sumber ekonomi, populasi penduduk dan kadar perumahan di negeri ini.

Bab keempat kajian iaitu bab analisa peringkat ini paling penting dalam kajian ini disebabkan peringkat ini akan membincangkan dengan terperinci hasil analisa yang didapati dari kajian yang dijalankan ke atas kawasan kajian iaitu setinggan di negeri Selangor dan sejauhmana pihak perancang negeri ini dapat menghapuskan setinggan sama sekali menjelang tahun 2005. Penemuan kajian akan

diperolehi dari bab ini hasil dari analisa yang dibuat (berdasarkan soal-selidik dan temubual), yang akan menentukan sama ada objektif dan matlamat kajian ini dicapai.

Bab terakhir kajian ini akan menyimpulkan terus kajian ini dan juga memperlihatkan cadangan penulis tentang masalah penghapusan setinggan serta tentang bagaimana membendung pertumbuhan setinggan sama sekali. Akhir sekali saranan untuk kajian pada masa hadapan mengakhiri kajian ini.

## Kaedah Kajian



**Peringkat Kajian Awal (Penulisan Bab I)**

.....

Kajian Literatur

- Setinggan( definisi, jenis dan bentuk)
  - Masalah yang seringkali dihadapi disebabkan wujudnya setinggan.
- Sumber: Rujukan sediada, kajian terdahulu, majalah, laman web dan buku.

**(Penulisan Bab II)**

-----

Pengumpulan Data untuk kajian kes

- Data Sekunder**
- Buku, jurnal, majalah dan keratan akhbar
  - Laman web

- Data Primer**
- Temubual dengan pihak perancang dan penduduk setinggan.

**(Penulisan Bab III)**

.....

**Analisa Kajian**  
Kualitatif dan diskriptif

Penemuan Kajian

**Pengumpulan data dan penganalisan data (Penulisan Bab IV)**

.....

Kesimpulan, cadangan dan Saranan

## **RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI**

Asia-Pacific Journal of Rural Development, Vol. 1 No. 2, December. 2000

Gibbons, D.S. and Kasim, S. (1990), Banking on the Rural Poor, Amanah Ikhtiar Malaysia, Penang.

Hassan, O.R. and Salleh, A.M. (1991), "Malays in the reserve areas of Kuala Lumpur: how poor are they?", in Johari, M.Y. (Ed.), Urban Poverty in Malaysia, Institute for Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu.

Hossain, M. (1985), Credit for the Rural Poor: The Experience of Grameen Bank in Bangladesh,

Research Monograph No. 4, Bangladesh Institute of Development Studies, Dhaka.

Johari, M.Y. and Kiong, C.S. (1991), "An overview of urban poverty in Sabah", in Johari, M.Y. (Ed.), Urban Poverty in Malaysia, Institute for Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu.

Johari, M.Y. and Sidhu, B.S. (1989), Urbanisation and Development: Prospects and Policies for Sabah beyond 1990, Institute for Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu.

Kasim, M.Y. (1988), "Ketidakseimbangan Wilayah: Satu Penilaian Terhadap Dasar dan Strategi Pembangunan Wilayah dalam Tempoh Dasar Ekonomi Baru (1970-1990)", in Siwar, C. and Piei, M.H. (Eds), Dasar dan Strategi Pembasmian Kemiskinan, DBP, Kuala Lumpur.

Kasim, M.Y. (1991), "Urban development and urban poverty: current thinking", in Johari, M.Y. (Ed.), Urban Poverty in Malaysia, Institute for Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu.

Kasim, M.Y. (1994), "Kemiskinan dan Pembangunan Bandar Selepas 1990: Isu dan Penyelesaian", in Ali, S. and Saleh, M.Z. (Eds), Rancangan Malaysia Keenam: Prioriti Pengukuhan Negara,. UKM Press, Bangi.

Kasim, M.Y. and Noor, M.S.H. (1995), "The role of local government in urban development towards meeting vision 2020", Paper presented at National Workshop on Local Government: Effective Governance for Vision 2020, 10 June, Subang Jaya, Malaysia.

Ko, J. (1991), "Studying urban poverty in Sarawak: some methods, logical issues and problems", in Johari, M.Y. (Ed.), *Urban Poverty in Malaysia*, Institute for Development Studies (Sabah, Kota Kinabalu.

Malaysia (1981), *Fourth Malaysian Plan, 1981-1985*, Government Printer, Kuala Lumpur.

Malaysia (1986), *Fifth Malaysian Plan, 1986-1990*, Government Printer, Kuala Lumpur.

Malaysia (1989), *Mid-term Review of the Seventh Malaysian Plan*, Government Printer, Kuala Lumpur.

Onn, F.C. (1989), "Kemiskinan Bandar di Malaysia: Profil dan Kedudukan pada Pertengahan 1980an", *Ilmu Masyarakat*, Vol. 15.

**Pelan Tindakan Setinggan Sifar 2005, Majlis Perbandaran Petaling Jaya**

**Persidangan Pengawalan dan Penempatan Semula Setinggan di Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,2000**

Siwar, C. (1991), "Credit programme for rural development and poverty alleviation in Malaysia",

Siwar, C. (1992), "The role of women in poverty eradication: impact study of Ikhtiar Project (in Malay)", in Rahmah, I. (Ed.), *Wanita Dalam Pembangunan*, Fakulti Ekonomi, UKM, Bangi.

Nurizan., Hariza, A. (2001), "Perumahan dan Kediaman" Kuala Lumpur

Zalina Ariffin (2005) Bahagian Gerakan Setinggan Sifar SUK Selangor

Kamariah Yahya (2005) Bahagian Perancang dan Pembangunan MPPJ

Khairuddin (2005) Bahagian Perancang dan Pembangunan MPPJ

Mohd Dino bin Mohd Perang (2005) Ketua Unit Gerakan Setinggan MPPJ